



## ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SABTU, 16 OGOS 2008

DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.



Istiadat Konvokesyen Ke-3 Universiti Malaysia Perlis telah berlangsung pada 16 Ogos 2008 jam 8.00 pagi di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Istiadat kali ke-3 ini dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalulail.

Pada istiadat ini, Universiti Malaysia Perlis telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti di atas segala sumbangan tenaga dan buah fikiran yang cemerlang sepanjang beliau menerajui UniMAP.

Penganugerahan ijazah diberikan seperti berikut : 3 Ijazah Doktor Falsafah ; 1 Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik) ; 2 Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik) ; 1 Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Komputer) ; 58 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Sistem Elektrik) ; 67 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Industri) ; 61 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Bahan) ; 61 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Metalurgi) ; 59 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekatronik) ; 69 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Pembuatan) ; 71 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mikroelektronik) ; 81 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik) ; 57 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Komputer) ; 61 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Perhubungan). Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah ialah 652.

**TITAH UCAPAN  
DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL  
CANSELOR UniMAP**

**SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**16 OGOS 2008  
DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS**

Bismillahirahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamu `alaikum warahmatullahi ta `ala wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya juga, maka dapatlah kita bersama-sama pada hari ini.

2. Saya mengalu-alukan kedatangan semua hadirin khususnya para ibu bapa dan penjaga para graduan bagi meraikan kejayaan anak didik masing-masing.

Hadirin sekalian,

3. Mula-mula sekali, Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim di atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan pada konvokesyen kali ini. Dengan pengalaman akademik dan korporatnya yang luas, Saya berharap beliau akan terus memberi sumbangan bakti kepada UniMAP dan masyarakat.

4. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua para graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing di UniMAP. Nasihat Saya kepada semua graduan ialah bahawa sesungguhnya menuntut ilmu itu, tiada akhiran dan batasannya. Teruskanlah mendalami bidang ilmu pengetahuan yang diceburi kerana ia berkembang seiring dengan perkembangan masa dan ia akan membuat kita tetap mutakhir sepanjang zaman. Agama Islam sendiri menyarankan umatnya menuntut ilmu sehingga ke liang lahad.

5. Saya suka menarik perhatian para graduan bahawa selain daripada ilmu pengetahuan tahap spiritual seseorang serta kemahiran lunak atau `soft skills` adalah tidak kurang pentingnya dalam pembinaan sahsiah para graduan untuk menjadi profesional yang holistik. Ia mempunyai hubungkait yang terus dengan kebolehpasaran graduan kejuruteraan di pasaran pekerjaan. Pihak industri selalunya mengidamkan tenaga profesional yang serba boleh bukan sekadar ijazah dan IQ nya sahaja tetapi yang dapat berkhidmat serta merta tanpa perlu dilatih semula, kecuali dalam bidang-bidang kritikal yang khusus dengan operasi, demi untuk meningkatkan daya saing mereka.

Hadirin sekalian,

6. Kepada pihak universiti pula, baik universiti kita UniMAP mahupun IPT-IPT lain, Saya suka menyarankan agar jalinan kerjasama antara universiti dengan pihak industri hendaklah diperkuuhkan demi untuk menghasilkan graduan kita yang berkualiti dan berintegriti. Kerjasama ini boleh datang dalam berbagai bentuk seperti "internship" dan sebagainya. Namun demikian, inisiatif yang lebih penting sekali ialah dalam usaha penggubalan program-program dan kurikulum, yang bukan sahaja berorientasikan pasaran tempatan, malah antarabangsa untuk melestarikan para graduan kita kekal relevan dalam persekitaran kerjaya di sektor swasta. Saya rasa, sudah tiba masanya, seandainya ada program-program yang dirasakan kurang serasi dan tidak sepadan dengan kehendak pasaran masa kini, dikaji semula atau disepadan untuk memastikan ianya dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Pihak industri sepatutnya memberi ciri-ciri atau kriteria-kriteria kepakaran yang diperlukan manakala pihak universiti pula menyediakan acuan untuk membentuk individu-individu yang diperlukan oleh industri. Inilah yang dinamakan perkongsian pintar kepada kedua-dua pihak.

7. Kepada para mahasiswa UniMAP lain pula, serta para graduan juga, ingatlah! Sebagai usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran para graduan di pasaran kerja, Saya ingin menekankan bahawa, mengambil kira persekitaran persaingan dunia yang makin sengit dan mencabar sekarang, para graduan universiti kita hendaklah berikhtiar melengkapkan dirinya dengan kelebihan-kelebihan tertentu yang sukar ditandingi atau ditiru oleh graduan-graduan lain. Sifat-sifat kemahiran analitikal, sintesis, dan pemikiran kreatif serta kebolehan menambah nilai kepada sumber yang sedia ada, bertindak jauh di hadapan sebagai pemimpin serta berkeupayaan mengambil atau merujuk sumber pengetahuan di luar bingkai



ilmu dan pemikiran yang sedia ada, harus ada di dalam diri masing-masing agar ianya dapat dimanfaatkan demi membangun dan mengukuhkan lagi kekuatan diri, masyarakat dan negara.

Hadirin sekalian,

8. Ramai di antara kita menguasai berbagai ilmu pengetahuan, tetapi amat sedikit yang menjadikan ilmu sebagai landasan untuk faedah umat manusia. Walaupun ramai cendekiawan di kalangan kita, namun penipuan dan keruntuhan akhlak dan moral semakin menjadi-jadi. Janganlah disalahgunakan ilmu pengetahuan sebagai penyebab kemusnahan alam sekitar dan kehancuran alam semesta. Saya amat menaruh harapan agar para graduan UniMAP yang sudah diterapkan pemikiran berminda positif dapat memahami senario ini dan berusaha untuk memainkan peranan masing-masing dengan sebaik mungkin walaupun di mana jua kita berada.

9. Pada hari ini juga Saya ingin mengulangi apa yang pernah Saya sebutkan sebelum ini bahawa masyarakat masa kini mengharapkan IPT seperti UniMAP, dapat menghasilkan graduan atau pemimpin yang berkaliber, rasional, bertenaga serta bersemangat tinggi yang dapat mengketengahkan dan memasarkan Malaysia di persada dunia. Graduan yang dihasilkan oleh UniMAP hendaklah juga mempunyai sifat-sifat unggul seperti berkeperibadian tinggi dan mulia, proaktif, patriotik dan cintakan negara, sensitif terhadap cabaran dan keperluan masyarakat, petah berkomunikasi di dalam pelbagai bahasa antarabangsa, berupaya menyesuaikan diri serta menarik manusia sejagat memandang tinggi dan menghormati Malaysia, bukan sahaja di rantau ini tetapi dunia keseluruhannya.

10. Orang ramai juga mengharapkan universiti kita akan dapat menghasilkan graduan yang telus, bergaya dan hebat berbicara dengan penuh kebijaksanaan di dalam alam perniagaan dan juga di meja perundingan. Graduan atau pemimpin yang dijana oleh UniMAP juga diharapkan berkemampuan untuk memperaga dan menggambarkan citra Malaysia di mata dunia sebagai sebuah kosmopolitan yang maju, moden serta mempunyai daya tarikan untuk para peniaga datang ke sini untuk berurusniaga. Kompetensi dan bakat bersilang disiplin di kalangan graduan adalah merupakan kelebihan yang amat dititikberatkan oleh majikan multi-nasional yang terkemuka dalam mendapatkan tenaga kerja kelas pertama. Oleh yang demikian, Saya suka menyarankan agar kita semua di UniMAP terus memberi penekanan dan fokus yang lebih kepada elemen pengantarabangsaan di samping meningkatkan lebih unsur-unsur pembelajaran berbanding dengan unsur-unsur pengajaran semata-mata demi menghasilkan graduan dan bakal pemimpin negara yang berketerampilan dalam konteks hari ini dan masa hadapan.

Hadirin sekalian,

11. Sebelum mengakhiri titah ucapan, Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan dan ibu bapa. Sebagai alumni UniMAP, janganlah sesekali lupakan universiti kita ini dan kembalilah untuk menabur bakti untuk kemajuan dan terus mengangkat martabat universiti.

12. Tahniah Saya ucapan kepada Pengurus dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, pihak pengurusan universiti serta seluruh usrah UniMAP yang telah berjaya meletakkan kedudukan universiti ini sebaris dengan yang terdahulu daripadanya. Saya yakin UniMAP akan terus menjadi sebuah universiti yang mantap dalam semua bidang dan kekal relevan sebagaimana yang dihasratkan pemegang taruhnya di selaras dengan moto universiti yakni : **Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan**.

13. Akhir titah, Saya sebagai Canselor, dengan diiringi sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri, Saya akan memberi sepenuh komitmen untuk terus menaungi UniMAP ke tahap yang lebih gemilang dan menjadikannya terkemuka, sebagai sebuah universiti teknikal berfokus yang efisyen, inovatif dan terbilang.

14. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memberkati majlis kita pada hari ini dan memelihara perjalanan para hadirin sekalian ketika pulang ke destinasi masing-masing. Insya-Allah.

Terimalah serangkap pantun untuk para graduan.

**Pengat pisang, gulai labu  
Asal santan dari kelapa  
Keringat bapa, air mata ibu  
Jangan graduan mudah lupa**

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Terima Kasih.



**TEKS UCAPAN  
BRIGADIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UniMAP**

**SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**16 OGOS 2008,  
DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.**

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah sarva alam. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia

Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bercemar duli berangkat ke Istiadat Konvokesyen Ketiga Universiti Malaysia Perlis pada hari ini. Sukacita juga patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku atas perkenan mengurniakan ijazah dan pelbagai anugerah kepada para graduan yang diraikan.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para graduan yang diraikan.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa bin Sabu  
Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri,

Yang Berbahagia Dr. Siti Aishah binti Baharum  
Pengarah Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pengajian Tinggi,  
Mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin Hj. Hussain  
Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Perlis, dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim,  
Penerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Yang Berbahagia Naib-naib Canselor atau wakil universiti di Malaysia,

The Honourable President or representatives of Foreign Universities,

Dif-Dif Jemputan, Para Graduan, Para Ibu bapa,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Mentadbir dan mengurus sesebuah universiti bukan seperti mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi yang berorientasikan keuntungan. Jika



kejayaan sesebuah syarikat, korporat atau konglomerat diukur dengan nilai keuntungan yang diisyiharkan pada setiap penghujung tahun kewangannya, universiti berhadapan pula dengan pengukur-pengukur yang lebih banyak dan mencabar. Sehingga sekitar awal 1990-an kita mendapati bahawa universiti lazimnya dinilai dari sudut reputasi akademik dan penyelidikannya. Tetapi, dalam era alaf ke-21 ini, universiti turut dinilai dengan menggunakan lensa dan teropong yang semakin seni. Universiti hari ini dituntut juga supaya menjana kewangan sendiri dan dalam masa yang sama, tanggungjawabnya untuk melahirkan insan kamil – insan yang seimbang daripada semua aspek keinsanannya -- dan modal insan yang kebolehpasarananya tinggi tidak pernah terlepas pandang oleh semua pemegang taruhnya.

1. Pada bulan Mei yang lalu, berdasarkan Sistem Penarafan Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), UniMAP telah ditaraf sebagai universiti 'Terpuji' (di tangga keempat daripada sembilan buah universiti) dalam kategori *specialised university. Web of Universities* yang melaksana ranking universiti-universiti dunia dengan kriteria-kriterianya tersendiri telah mengiktiraf UniMAP di tempat ke 2,536 daripada 16,000 buah universiti dan institusi pengajian tinggi yang dikaji. Daripada 20 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), 37 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) utama dan ratusan kolej swasta di negara kita, hanya 20 buah institusi pengajian tinggi IPT yang tersenarai dalam ranking ini dan UniMAP berada di tempat yang kesepuluh. Memang masih luas ruang yang perlu diperbaik, dipermata dan diperindah, tetapi dengan asas-asas kukuh yang tersedia, saya yakin sasaran yang ditetapkan UniMAP untuk menjadi antara 500 buah universiti yang terbaik di dunia sekitar tahun 2020, bukan peluru kosong.
2. Sejak dibangunkan dalam tahun 2002, UniMAP telah meraih sebanyak RM18.76 juta geran penyelidikan. Mulai tahun 2005 hasil-hasil penyelidikan para penyelidik UniMAP telah meraih beberapa banyak pingat di pameran peringkat antarabangsa seperti di International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) dan International Exposition of Research and Inventions of Institution of Higher Learning (PECIPTA) dan Malaysia Technology Expo (MTE) di Malaysia; International Exhibition of Inventions of New Techniques and Products, di Geneva; International Warsaw Invention Show (IWIS); INPEX di Pittsburg, USA; International Trade Fair - Ideas, Inventions, New Products (IENA) di Jerman; and Brussels Innova Energy (EUREKA) di Belgium. Secara keseluruhan, UniMAP telah memenangi 22 pingat emas, 53 pingat perak dan 63 pingat gangsa dalam pameran-pameran di serata dunia. Malah produk penyelidikan para penyelidik UniMAP pernah dianugerahi anugerah-anugerah khas seperti 'Humanitarian Award' dalam INPEX 2008 di Pittsburg, USA; Hungarian 'Genius Award,' dan 'Best Invention Award' oleh International Federation of Inventors Association (IFI). Yang semakin membanggakan, dalam National Research and Innovation Competition (NRIC 2008) peringkat IPTA, hasil penyelidikan mahasiswa UniMAP mendapat pengiktirafan dengan memenangi 'Best Invention & Innovation Award.' Daripada hasil-hasil penyelidikan itu, enam daripadanya akan dipatenkan selewat-lewatnya pada awal tahun hadapan.
3. Siswazah UniMAP pada hari ini bukan lagi asing pada syarikat-syarikat multinasional, apatah lagi pada syarikat dan korporat setempat yang memerlukan jurutera. Daripada 554 orang siswazah yang bergraduat pada tahun lalu, sebanyak 495 orang (89.4%) telah membina kehidupan sendiri di pelbagai syarikat, dan selebihnya memilih untuk bekerja sendiri atau menyambungkan pelajaran. Dan, daripada 645 orang graduan ijazah sarjana muda yang bersama-sama kita pada hari yang berkeramat ini sebanyak 310 orang (48.06%) telah ditawari pekerjaan. Daripada jumlah itu, 161 orang (51.90%) telah dilamar oleh syarikat-syarikat multinasional (MNC). Saya optimis, insya-Allah dalam masa enam bulan dari hari ini, lebih daripada 80% para graduan yang kita raikan akan mendapat pekerjaan. Sesungguhnya penerimaan beberapa banyak syarikat setempat dan syarikat multinasional terhadap siswazah UniMAP semakin meyakinkan kita bahawa keputusan untuk kita mengamalkan pendekatan *hands-on and practical oriented* merupakan keputusan yang menepati keperluan semasa dan terkini.
4. Selain daripada bekerja di syarikat-syarikat antarabangsa ternama, siswazah UniMAP turut mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti antarabangsa. Sehingga ke saat ini, sebanyak tujuh orang siswazah UniMAP telah menyambungkan pelajaran ke peringkat Ph.D di Australia, United Kingdom dan universiti-universiti di dalam negara. Di samping itu, sebanyak 30 orang siswazah UniMAP sedang menyambungkan pelajaran di peringkat Sarjana di Australia, Finland, Perancis, Jerman, Ireland dan United Kingdom. Fenomenon ini merupakan suatu lagi batu bawah kurikulum pengajian UniMAP diiktiraf oleh rakan-rakan di dalam negara dan universiti-universiti di Asia Barat, Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Pasifik. Alhamdulillah.
5. Selari dengan perkembangan ini, UniMAP turut menerima penuntut-penuntut dari negara luar untuk menyambungkan pelajaran di negara kita. Daripada sejumlah 143 orang penuntut Sarjana Sains dan 46 orang penuntut peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di UniMAP, 29 orang daripada mereka terdiri daripada penuntut antarabangsa (15 orang penuntut Ph.D., dan 14 orang penuntut Sarjana) yang datang dari Pakistan, Indonesia, Bangladesh, India, Iraq, Thailand dan Algeria. Di samping itu, daripada sejumlah 298 orang pensyarah, 43 orang (14.4%) daripadanya ialah pensyarah antarabangsa yang berasal dari Eropah, Timur Tengah, Timur Jauh, Asia Tengah dan Asia Pasifik, selain daripada 16 orang mahasiswa dari Finland, Indonesia, Thailand dan Jerman yang pernah menuntut di sini di bawah program pertukaran mahasiswa.
6. Data yang tercatat pada hakikatnya bukanlah data yang dipetik dan dituai tanpa usaha jerih-perih para staf akademik dan pentadbiran. Hakikatnya, semua ini diraih setelah UniMAP melakukan pemasaran dan promosi ke seluruh dunia untuk mengangkat jenama UniMAP supaya setanding dengan jenama-jenama lain dalam dunia pengajian tinggi antarabangsa melalui memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) yang ditandatangani dengan 50 buah universiti dan 58 buah industri di dalam dan luar negara.
7. Kegemilangan semasa UniMAP tidak sekadar terbatas dalam lingkungan akademik, penyelidikan dan sifat keantarabangsaannya semata-mata. Demi mengisi makna pendidikan sebenar, UniMAP turut memberikan penekanan kepada aspek perkembangan seni budaya dan sukan sama ada dalam kalangan mahasiswa maupun staf. Dalam bidang seni budaya, keupayaan mahasiswa dan staf UniMAP dicemburui dan dikagumi oleh beberapa banyak pihak. Dalam arena sukan, misalnya dalam Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Kali Ke-33 yang diadakan di

Sarawak baru-baru ini, UniMAP muncul sebagai juara keseluruhan dengan merangkul 22 pingat emas, 9 pingat perak dan 5 pingat gangsa; selain daripada menjadi juara dalam beberapa acara sukan padang.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

8. Pada pagi yang semerbak kenangan manisnya, marilah kita bersama-sama mengalungkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Profesor Emiritus Tan Sri Dato' Syed Jalaludin Syed Salim yang dianugerahi Ijazah Kehormat oleh UniMAP pagi ini. Kerana kualiti dirinya yang amat tinggi dan pengalamannya yang amat luas dalam pengurusan dan pentadbiran institusi pengajian tinggi, pada tahun 2007 UniMAP melantik beliau sebagai Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti. Demi mengenangi jasa, sumbangan idea dan teguran membinanya kepada UniMAP, anggota Senat dan Lembaga Pengarah UniMAP bersetuju menganugerahi beliau Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan.

9. Dalam Istiadat Konvokesyen Ketiga ini juga UniMAP bersyukur kehadrat Allah dan amat sukacita menganugerahkan ijazah kepada 652 orang graduan yang terdiri daripada 645 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan; empat orang penerima Ijazah Sarjana Sains; dan yang lebih menyemarakkan lagi istiadat pada kali ini, buat julung-julung kalinya UniMAP menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada tiga orang graduan. Daripada jumlah 645 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan itu, sebanyak 15 orang (2.3%) graduan dianugerahi ijazah kelas pertama (PNGK 3.67 ke atas), sementara 241 orang (37.4%) memperoleh ijazah kelas kedua atas (PNGK 3.00 hingga 3.66). Semoga anda semua dapat memanfaatkan segala ilmu yang ditimba untuk membangunkan karier yang cemerlang, membantu ibu bapa yang telah banyak mengorbankan tenaga, membangunkan masyarakat yang memerlukan sokongan, dan memajukan negara sehingga berupaya berdaya saing di semua peringkat dan lapangan sepanjang masa.

10. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama menuntut di Universiti ini meskipun perjuangan hidup sebenar belum berakhir. Saya amat berharap saudara-saudara tidak melupai UniMAP. Ingatlah bahawa status alumni yang diisyiharkan pada sidang ini dengan sendirinya menjadikan saudara-saudara tidak boleh dipisahkan daripada UniMAP. Gunakanlah segala peluang yang ada untuk bersama-sama membantu membangunkan dan melestarikan UniMAP melalui Persatuan ALUMNI. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam bidang penyelidikan akan sentiasa dan amat kami alu-alukan.

11. Akhir kata terimalah sedikit nasihat daripada peribahasa Melayu yang mengingatkan kita supaya melaksana sesuatu dengan berhati-hati buat bekal akal dalam perjalanan:

- Berjimat sebelum habis; beringat sebelum kena.
- Terdorong kaki, badan binasa; terdorong lidah, emas padahnya.
- Telah dijual, maka dibeli. Sepuluh kali diukur, sekali dikerat.
- Padang perahu di lautan; padang hati di fikiran.
- Dengar cakap enggang, makan buah beluluk; dengar cakap orang, terus masuk lubuk.
- Berjalan, peliharalah kaki; bercakap, peliharalah lidah.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku atas perkenan berangkat ke Istiadat Konvokesyen yang sarat dengan sejarah ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku amat besar makna dan ertinya buat patik sekalian. Mohon patik mengundurkan diri dengan lafadz:

Wabillahitaufik walhidayah

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**PIDATO UMUM  
IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN  
UNTUK  
YANG BERBAHAGIA PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDIN  
BIN SYED SALIM**

**DISAMPAIKAN OLEH  
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. ALI YEON BIN MD. SHAKAFF  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**16 OGOS 2008  
DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS**

Ampun Tuanku,

Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim dilahirkan pada 17 April 1944 di Arau Perlis. Pendidikan beliau bermula di Stella Maris School, Perlis, dan St. Xavier Institution, Pulau Pinang. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Tentera Diraja. Pada peringkat pengajian tinggi, beliau mendapat Bachelor of Veterinary Science (B.V. Sc.) daripada University of Panjab, dan seterusnya Master of Philosophy (M.Phil.) daripada University of London, dan Doctor of Philosophy (Ph.D.) daripada universiti yang sama.

Selain ijazah kedoktoran yang beliau perolehi melalui proses pembelajaran formal, Tan Sri Syed Jalaludin juga sering dianugerahi ijazah kehormat. University of Hull, United Kingdom, Soka University, Jepun, dan Open University Malaysia pernah menganugerahi beliau Doctor of Science (Honoris Causa), manakala Thaksin University, Thailand menghadiahkan beliau Doctor of Agricultural Technology (Honoris Causa).

Tugas-tugas akademik, yang dilakukan melalui penulisan kertas-kertas ilmiah dan pelaksanaan pelbagai tanggungjawab penyelidikan, telah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan cemerlang, sehingga Tan Sri dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya pada tahun 1978, dan seterusnya Profesor pada tahun 1981.

Tugas-tugas ilmiah dilengkapi dengan tanggungjawab pentadbiran akademik, yang mana Tan Sri mempunyai pengalaman yang amat luas sekali. Beliau pernah menjadi Ketua Jabatan, Timbalan Dekan, Pemangku Dekan, dan Pengerusi Bahagian di Universiti Putra Malaysia dan juga di Universiti Malaya. Ketokohan Tan Sri yang cemerlang membuatkan beliau dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) pada tahun 1983, Timbalan Naib Canselor (Akademik) pada tahun 1984, Pemangku Naib Canselor, dan akhirnya Naib Canselor Universiti Putra Malaysia pada Jun 1994 sehingga April 2001.

Atas pelbagai sumbangan yang diberikan, Syed Jalaludin telah dianugerahkan Tokoh Anugerah Akademik Negara pada 25hb. Julai 2008. Namun begitu, ini bukanlah anugerah pertama yang diterima beliau. Sejak 1991, beliau telah menerima anugerah Johan Setia Mahkota, dan menjadi Elected Fellow, Malaysian Society of Applied Biology. Beliau juga menerima anugerah daripada National Science Laureate, anugerah Darjah Kebesaran Dato' - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, anugerah Dato' Paduka Mahkota Perlis, anugerah ASEAN Business Forum Award for Science, dan anugerah Panglima Setia Mahkota daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang membawa kepada gelaran 'Tan Sri'. Pada tahun 2003, Tan Sri Syed dinobatkan sebagai Profesor Emeritus oleh Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia, dan seterusnya oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2006.

Ketokohan Syed Jalaludin menyebabkan beliau diperlukan oleh banyak pihak. Kini, beliau memegang beberapa tugas, termasuklah Pengarah, Malaysian Toray Science Foundation (MSTF), Felo, Academy of Science Malaysia, Pemegang Amanah, Malaysian Medical Association, Pengerusi, National Institute of Entrepreneurship, dan Ahli, International Advisory Panel of International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF).

Sebelum ini, Tan Sri pernah memegang jawatan-jawatan penting, antara lain, Pengerusi, Jawatankuasa Naib Canselor Malaysia, Pengerusi, Majlis Peperiksaan Malaysia, Ahli Panel, Agroindustry, Pengerusi Majlis Akademik, Malaysian Institute of Accountants, dan Pengarah, Forest Research Institute Malaysia (FRIM).

Di arena antarabangsa, Tan Sri memegang banyak jawatan penting, antara lain, Presiden, Association of South East Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL), Pengerusi, South East Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture, dan Penasihat, Regional Research Institute of Agriculture in the Pacific Region, Jepun. Tan Sri juga aktif memegang banyak kerusi dalam persatuan dan organisasi profesional termasuk di Malaysian Society of Animal Production, Malaysian Society of Applied Biology, dan Veterinary Association of Malaysia.

Keanggotaan Tan Sri dalam persatuan profesional pada peringkat antarabangsa juga tidak kurang banyaknya. Sebagai contoh, beliau merupakan Ahli Sidang Penyunting, Asian Australasian Journal of Animal Sciences, Ahli Sidang Penyunting, International Journal of Animal Science, dan Ahli Majlis, World Association of Animal Production.

Sumbangan Tan Sri turut dimanfaatkan oleh puluhan organisasi lain, termasuk World Poultry Science Association, Commonwealth Veterinary Association News, dan World View International Foundation.

Minat Syed Jalaludin melangkaui bidang akademik semata-mata. Di sektor swasta, antara lain, beliau berperanan sebagai Pengarah, ESSO Malaysia Berhad, serta Pengarah, TAFI Industries Berhad. Beliau juga memainkan peranan utama di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Halal Industri Development Corporation Sdn Bhd, serta lebih dari sepuluh lagi syarikat-syarikat swasta yang lain.

Sebagai tokoh cendikiawan, Tan Sri tidak pernah mengabaikan tradisi akademik yang mengkehendaki ahlinya terus-menerus menulis kertas-kertas ilmiah. Beliau telah menulis sebanyak lebih daripada 350 kertas kerja dalam jurnal dan prosiding dalam bidang sains penternakan, pengajian tinggi, agroindustri, dan pengurusan universiti.

Dalam banyak sumbangan dan jasa bakti yang telah Tan Sri taburkan, Universiti Malaysia Perlis meletakkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas apa yang telah beliau dicurahkan kepada Universiti ini. Tan Sri Syed bukanlah orang asing di UniMAP.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah di sini sejak UniMAP masih dikenali sebagai KUKUM lagi, iaitu dari Januari 2003 hingga Januari 2006. Kemudian, atas sumbangan yang cemerlang yang telah beliau tunjukkan, Tan Sri dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti menggantikan YBhg Dato' Ramli Abas dari Januari 2006 hingga Januari 2008, dan seterusnya disambung lagi bagi tempoh dua tahun sehingga Januari 2010.

Di bawah kepimpinan Tan Sri, UniMAP terus melebarkan sayapnya mencapai kejayaan demi kejayaan, antaranya penambahan program akademik baru khususnya yang berorientasikan bio dan agro, penambahan dana penyelidikan yang memungkinkan hampir kesemua pensyarah UniMAP memegang sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan setiap seorang, penambahan bilangan MoU yang ditandatangani dengan institusi di dalam dan luar negara, dan penjenamaan semula Universiti daripada dikenali sebagai KUKUM kepada UniMAP. Peningkatan dana penyelidikan telah membawa hasil yang lumayan di mana UniMAP kini memiliki 22 emas, 53 perak dan 63 gangsa menerusi lebih daripada 15 penyertaan di pelbagai pameran dan pertandingan peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Namun, disebabkan khidmat beliau lebih diperlukan di tempat lain, maka pada 1 Julai yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah melantik Tan Sri menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia yang baru.

Di atas segala sumbangan tenaga dan buah fikiran beliau yang cemerlang sepanjang beliau menerjui UniMAP, maka sewajarnyalah pada pagi yang bersejarah ini UniMAP menganugerahi **Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim**.



**UCAPAN PENERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN  
YANG BERBAHAGIA PROFESOR EMIRETUS TAN SRI DATO' DR. SYED JALALUDIN  
BIN SYED SALIM**

**SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**16 OGOS 2008  
DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Mengadap Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Patik dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Kebawah Duli Tuanku mencemar Duli untuk berangkat ke Istiadat Konvokesyen Ketiga Universiti Malaysia Perlis pada pagi yang indah dan bersejarah ini dan seterusnya menganugerahi patik Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan. Limpah perkenan Tuanku amat patik sanjung tinggi dan akan tetap menjadi kenangan manis bagi patik buat selama-lamanya.

Ampun Tuanku, patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk patik berucap sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa bin Sabu  
Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri

Yang Berbahagia Dr. Siti Aishah binti Baharum  
Pengarah Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pengajian Tinggi,  
Mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Zainul Ariff bin Hj. Hussain  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis, dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Yang Berbahagia Brigadier Jeneral Dato' Profesor Dr. Kamarudin bin Hussin,  
Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Yang Berbahagia Naib-naib Canselor atau wakil universiti di Malaysia,

The Honourable President or representatives of Foreign Universities,

Dif-Dif Jemputan, Para Graduan, Para Ibu bapa,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada UniMAP, yang menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada saya dalam majlis konvokesyen pada pagi ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada Profesor Dr. Ali Yeon bin Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Pengantarabangsaan, kerana sudi memperkenalkan diri saya kepada para hadirin sekalian sebentar tadi.

Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat yang saya terima sebentar tadi merupakan satu penghormatan yang amat besar bagi diri saya oleh kerana ianya diberikan oleh UniMAP jika dibandingkan dengan penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat di lain-lain universiti sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Saya menganggap penganugerahan ini lebih bermakna dan bernilai tinggi sekali.

Saya tidak menyangka sekali penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat ini dapat dilakukan di Negeri Perlis oleh kerana tidak lama dahulu Negeri Perlis ini tidak mempunyai Pusat Pengajian Tinggi.

Saya dilahirkan di Arau, Perlis dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Lelaki Melayu Arau dan Sekolah Rendah Stella Maris serta melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di Pulau Pinang memandangkan pada masa tersebut peluang belajar di Negeri Perlis tidak begitu banyak seperti sekarang. Ketika itu, saya tidak menyangka yang Negeri Perlis boleh mempunyai sebuah universiti dan saya diberi peluang untuk membantu selama lebih 6 tahun dalam pembangunan universiti ini.

UniMAP adalah sebuah universiti yang memberi fokus dalam bidang kejuruteraan dan saya berharap UniMAP akan terus memberi pendidikan berkualiti kepada semua peringkat. Oleh kerana tumpuannya kepada kejuruteraan, saya fikir ini adalah satu kelebihan supaya universiti ini menjadi universiti terkemuka di Malaysia dan antarabangsa. Saya yakin lulusan dari bidang kejuruteraan ada potensi untuk melibatkan diri dalam bidang industri dan bisnes dan ini telah terbukti dengan ramai graduan dari UniMAP senang mendapat pekerjaan. Saya fikir kita boleh meningkatkan mutu pendidikan di UniMAP dengan membangunkan kurikulum yang memberi tumpuan kepada pendedahan dalam aspek bisnes dan keusahawanan. UniMAP harus mengikuti jejak MIT. Walaupun di MIT tumpuan pendedahan dalam bidang kejuruteraan tetapi fokus terhadap bisnes juga sama. Mungkin UniMAP akan muncul sebagai MIT Malaysia.

Pembangunan UniMAP juga selari dengan hasrat kerajaan Negeri Perlis untuk menjadikan Negeri Perlis sebagai "Negeri Ilmu". Hasrat ini sudah tentu akan terlaksana dengan pembukaan kampus di Pauh dan Padang Besar. Negeri Perlis juga mempunyai iklim dan persekitaran yang sesuai untuk dijadikan sebagai Negeri Ilmu.

Hari ini bakal graduan UniMAP boleh berbangga dan 'stand tall' oleh kerana telah tamat pengajian dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang ada dalam dewan ini.

Kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada kesungguhan, minat, dedikasi, iltizam, kerajinan, disiplin serta semangat perjuangan untuk merentasi apa jua cabaran atau halangan yang dihadapi.

Sesuatu kejayaan tidak akan tercapai hanya dengan mempunyai cita-cita sahaja. "Dreaming and wishing alone cannot lead us to success". Saudara-saudari telah menghadapi banyak cabaran semasa tempoh pengajian di universiti dan dapat mengatasi segalanya hingga berjaya akhirnya.

Apakah faedah sebenar yang kita dapat daripada kursus yang diikuti di universiti? Adakah sekeping ijazah itu yang kita hambatkan? Walaupun ijazah yang kita perolehi itu adalah lambang kejayaan serta pengukuran kebolehan atau pencapaian akademik akan tetapi faedah sebenarnya adalah lebih. Apa yang sebenarnya dipelajari di universiti adalah cara penggunaan minda untuk mencari ilmu dan juga proses atau kaedah yang kita gunakan. Selain daripada itu, kita juga mempelajari cara membuat perancangan dan penyelesaian projek atau tugas yang diberikan.

Pengalaman proses pembelajaran yang diperolehi akan menjadi landasan atau bekalan semasa menjalankan sesuatu pekerjaan. Ini adalah faedah utama atau hasil daripada pendidikan tinggi. Selepas mempunyai ijazah sudah tentu graduan akan mencari pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta. Sebagiannya cuba menjalankan usaha secara persendirian. Walau apapun pilihan yang dibuat, saya percaya saudara-saudari boleh berjaya sekiranya saudara-saudari berusaha seperti yang dilakukan semasa belajar di universiti. Tiap-tiap individu mempunyai potensi untuk berjaya dalam kerjaya yang dipilih. Saya perlu memperingatkan saudara-saudari bahawa semasa bekerja kita akan menghadapi lebih banyak rintangan atau cabaran. Mereka yang berjaya adalah mereka yang sanggup menghadapi cabaran-cabaran. Sekiranya kita tidak mampu membuat sesuatu oleh kerana kelemahan dan kekurangan ilmu, kita harus mencari jalan dan usaha untuk memperkuuhkan aspek-aspek kelemahan yang ada. Akhirnya mereka yang berjaya dalam kehidupan adalah mereka yang tidak jemu untuk berusaha dan mencari penyelesaian.

Nasib negara ini dan generasi akan datang terletak di atas bahu graduan sekalian. Para graduan adalah bakal pemimpin negara dan ketua industri. Ada dalam kalangan graduan yang ingin berkhidmat dengan sektor awam atau sektor swasta dan ada juga yang ingin berkecimpung dalam bisnes. Memandangkan banyak peluang dan bantuan yang disediakan untuk para graduan bagi menjalankan bisnes, negara memerlukan ramai graduan menjadi ahli perniagaan atau usahawan. Bagi mereka yang berminat dalam bisnes, saya ingin menasihatkan agar persediaan dibuat dengan secukupnya. Pelan perniagaan harus diteliti dengan rapi dan tepat serta ikuti skim latihan yang disediakan oleh banyak pihak jika diperlukan sebagai contoh jika kita ingin menjalankan usahawan dalam bidang pertemakan kita perlu memahami proses pembelaan ternakan. Jika kita membuat segala persiapan modal untuk perniagaan sudah tentu bantuan mudah diperolehi. Pengusaha yang berjaya adalah mereka yang dapat memberi sepenuh tumpuan, dedikasi dan mempunyai disiplin yang tinggi. Mereka juga sanggup mempelajari untuk memperbaiki apa-apa kelemahan yang ada. Sebenarnya bisnes bukan tujuan untuk mencari kekayaan dengan cepat tetapi sebenarnya harus menjadi budaya cara hidup kita. Sekiranya kita jadikan bisnes sebagai budaya hidup kita sudah tentu usaha yang kita buat akan berjaya selamanya.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengingatkan para graduan bahawa ilmu yang kita perolehi sudah tentu akan menjadikan kita sebagai insan yang bijak. Kebijaksanaan dengan sendirinya tidak akan membawa kita ke mana-mana jika kita tidak mempunyai skill set atau

kemahiran hidup yang menyeluruh antaranya ialah kemahiran berkomunikasi, analytical, budi bahasa, interpersonal, attitude atau sikap, team work dan banyak lagi. Saya juga merayu agar para graduan UniMAP menguasai bahasa antarabangsa seperti Bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa lain yang digunakan untuk menjalankan bisnes. Sesiapa yang mempunyai ilmu dan kemahiran hidup serta menguasai bahasa antarabangsa sudah tentu akan terus membawa kejayaan demi kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi. Saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan TAHNIAH dan Selamat Maju Jaya kepada para graduan UniMAP.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun.

Sekian sahaja ucapan patik dan patik akhiri dengan sekali lagi merafak sembah junjungan kasih atas limpah perkenan Tuanku menganugerahi patik Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan yang akan sentiasa patik dan seisi keluarga sanjung tinggi.

Ampun Tuanku.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN WAKIL GRADUAN  
NOR AMALINA BINTI MUHAYUDIN

SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

16 OGOS 2008,  
DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS

Bismillahirahmanirahim

Menghadap

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun.

Patik, bagi pihak semua graduan, merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku mencemar duli berangkat ke Istiadat Konvokesyen Ketiga, Universiti Malaysia Perlis pada pagi ini. Sesungguhnya, dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku berdua, maka bertambah serilah Istiadat Konvokesyen Ketiga UniMAP buat kali ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk patik berucap sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa bin Sabu  
Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri,

Yang Berbahagia Dr. Siti Aishah binti Baharum  
Pengarah Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pengajian Tinggi,  
Mewakili Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin Hussain  
Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Perlis, dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Yang Berbahagia Brigadier Jeneral Dato' Profesor Dr. Kamarudin bin Hussin,  
Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis

Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaudin bin Syed Salim,  
Penerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan dan Yang Berbahagia Puan Sri,

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Yang Berbahagia Naib-naib Canselor atau wakil universiti di Malaysia,

The Honourable President or representatives of Foreign Universities,

Dif-Dif Jemputan, Para Graduan, Para Ibu bapa,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan kurnia serta izinNya, maka dapatlah kita berkumpul bersama-sama dalam satu majlis yang penuh gemilang terutamanya bagi graduan yang telah tamat pengajian di Universiti Malaysia Perlis.

Hadirin sekalian,

2. Sebelum saya teruskan ucapan, jutaan terima kasih diucapkan kepada Pengurus dan semua Ahli Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen Ke-3 ini kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya bagi mewakili para graduan untuk menyampaikan sepatah dua kata, akan hasrat yang terbukti dalam hati kami. Sesungguhnya, sukar digambarkan betapa bangganya kami kerana bergelar graduan Universiti Malaysia Perlis.

**Terima Kasih UniMAP!! Terima Kasih UniMAP!! Terima Kasih UniMAP!!**

3. Terima kasih ini kami ucapkan kepada UniMAP kerana telah memberikan kami peluang dan kesempatan untuk mencapai apa yang kami inginkan dan idamkan selama ini. Kejayaan kami pada hari ini, bukan sahaja atas usaha kami semata-mata, tetapi ia adalah hasil daripada jalinan dan kerjasama yang erat di antara pengurusan universiti dan para mahasiswa. Penyediaan prasarana yang baik dan usaha pihak universiti dalam memastikan para graduan memperolehi suasana yang selesa untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran amatlah kami sanjung tinggi. Walaupun UniMAP beroperasi sebagai sebuah kampus yang berkonssep kampus teragih tetapi elemen pembelajarannya masih sama seperti universiti-universiti yang lain, malahan ia diperkuuhkan lagi dengan penerapan kaedah pembelajaran berdasarkan praktikal atau "hands-on". Oleh itu, wajar bagi kita mengingati segala jasa yang telah ditaburkan oleh pihak universiti dalam memastikan para graduan mencapai impian masing-masing.

Hadirin sekalian,

4. Dalam jangkamasa kami berada di pentas ilmu ini, sudah semestinya kami menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran tetapi pada hari ini kami telah dapat membuktikan bahawa ia bukanlah satu penghalang untuk kami berjaya di menara gading. Bagi kami yang berada di kelompok ilmuwan dan komuniti intelek, persekitaran dan pengalaman yang kami timba dan laju telah banyak mengajar kami erti sebuah kehidupan sebenar. Menerjah kembali kenangan sewaktu baru bergelar mahasiswa dahulu, kami sering mencari jawapan apakah ranjau yang bakal kami hadapi sebagai mahasiswa di UniMAP.

5. Konsep "hands on" yang telah diperkatakan tadi, yang diamalkan di UniMAP adalah yang terbaik yang pernah diikuti. Visi "*Menjadi Institusi Akademik Dan Penyelidikan Yang Berdaya Saing Di Persada Antarabangsa*" adalah permulaan awal yang ditanamkan kepada mahasiswa agar kami, bukan sahaja semata-mata ingin bergelar graduan selepas tamat pengajian, tetapi terus bercita-cita untuk menjadi penyelidik yang mampu menghasilkan penemuan-penemuan baru. Itizam untuk menempa nama UniMAP di persada dunia akan terus diusahakan dalam setiap bidang pekerjaan yang akan kami ceburi khususnya dalam bidang penyelidikan. Kejayaan demi kejayaan yang telah dibuktikan oleh para penyelidik UniMAP adalah hasil daripada suntikan semangat oleh Yang Berbahagia Naib Canselor kepada kami untuk memastikan UniMAP terus dinobatkan sebagai "pencetus inovasi" dunia.

6. Keunikan Program Rakan Pendamping Siswa atau lebih dikenali sebagai RPS dan Program 7 Pillars yang menerapkan nilai insan ke dalam jiwa setiap mahasiswa merupakan senjata utama UniMAP bagi memberi nilai tambah untuk mengenangkan para graduan agar lebih berdaya saing di alam pasaran pekerjaan masa kini yang semakin kompetitif. Dengan adanya pakej seperti ini, ia telah memberanikan saya dan rakan graduan yang lain untuk bersedia diletakkan di mana-mana saja institusi, organisasi dan industri, sama ada di dalam maupun luar negara. Kami mampu untuk berdikari baik di medan pekerjaan maupun bersama masyarakat. Kami percaya program ini adalah bertepatan dengan kehendak pasaran masa kini dan selaras dengan pembangunan modal insan yang disarankan oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

7. Dalam era globalisasi masa kini, para graduan telah didesak untuk terus berada seiring dengan evolusi kemajuan teknologi. Justeru, para graduan hendaklah melengkapkan diri dengan segala macam pengetahuan kerana tidak guna jika mendapat segulung ijazah tetapi tidak mempunyai kualiti sebagai seorang graduan yang cemerlang. Jika ilmu yang dipelajari tidak digembangkan dengan asuhan yang mantap maka ia akan melahirkan manusia yang memperolehi kepentingan diri tanpa memikirkan orang lain.

Hadirin sekalian,

